

NO. SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9039

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan angka statistik terkini peratusan rakyat bangsa melayu, cina dan india di dalam khidmat Polis Di Raja Malaysia, dan apakah langkah-langkah untuk menambah bilangan bukan melayu di dalam keanggotaan Polis Di Raja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum (*multi racial*). Tugas untuk mempertahankan keselamatan negara merupakan tanggungjawab kolektif seluruh rakyat tanpa mengira kaum atau keturunan. PDRM sentiasa membuka peluang kepada semua bangsa yang mempunyai kelayakan untuk menyertai perkhidmatan polis untuk sama-sama memikul tugas dan tanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Statistik keseluruhan keanggotaan PDRM yang berakhir pada 30 April 2016 adalah berjumlah 133,212 orang dan pecahan mengikut bangsa seperti berikut :-

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN (%)
MELAYU	106,871	80.23%
CINA	2,615	1.96%
INDIA	4,209	3.16%
PUNJABI	275	0.21%
LAIN-LAIN BANGSA	19,242	14.44%

Penyertaan kaum lain dalam perkhidmatan polis amat diperlukan bertujuan untuk:-

- i) Mengurangkan jurang bahasa dan memberi keselesaan kepada pelanggan yang berurusan di balai-balai yang penduduknya ramai terdiri bangsa lain selain daripada kaum Melayu;

- ii) **Mempermudahkan kerjasama bagi mendapatkan maklumat dalam siasatan kes-kes yang melibatkan bangsa lain serta merapatkan jurang antara polis dan masyarakat; dan**
- iii) **Mendekati masyarakat, menjalin hubungan baik bagi mendapatkan maklumat dalam menangani kes-kes jenayah serta mendapatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap PDRM.**

Antara langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan penyertaan kaum lain berkhidmat sebagai anggota PDRM adalah seperti berikut:-

- i) **Membuat kertas cadangan dari masa ke semasa bagi pengambilan '*special intake*' untuk diserapkan ke Cawangan Khas. '*Special Intake*' ini memerlukan calon-calon yang mahir bahasa-bahasa lain selain Bahasa Malaysia;**
- ii) **Membuka permohonan jawatan melalui portal rasmi SPA secara '*online*' mulai 20 Mac 2012. Calon-calon yang berminat boleh memohon jawatan yang ditawarkan mengikut kelayakan akademik dan fizikal yang ditetapkan pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada;**
- iv) **Membuat hebahan melalui Radio dan TV di seluruh negara melalui saluran berbahasa Melayu, Cina dan Tamil;**
- v) **Meminta Ketua-Ketua Polis Daerah seluruh negara menghubungi Persatuan-Persatuan Masyarakat Cina/India dan pelbagai kaum lain bagi membantu menghebahkan serta menggalakkan belia-belia mereka memohon jawatan di dalam PDRM;**

- vi) PDRM juga dari masa ke semasa menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan yang munasabah bagi mendapatkan kenaikan gaji dan elaun-elaun ke satu tahap yang berpatutan mengikut keadaan semasa untuk semua peringkat pegawai dan anggota polis bagi menarik minat kaum lain menyertai PDRM; dan

- vii) Mengadakan "*Road Show*" dan pameran di semua peringkat Universiti Awam atau Swasta dan sekolah-sekolah bagi menyampaikan serta menerangkan kerjaya sebagai pegawai polis kepada masyarakat termasuk masyarakat bukan Melayu melalui program "*Community Policing*" dan kerjasama masyarakat setempat.

Dengan langkah proaktif yang diambil, penyertaan kaum lain dalam PDRM telah meningkat. Golongan remaja kini telah meletakkan kerjaya dalam PDRM sebagai pilihan utama dan menganggap kerjaya sebagai anggota polis pada masa kini boleh menjamin masa depan dengan tawaran gaji yang menarik serta peluang kenaikan pangkat yang cerah.